

# Pingat emas Zabidi, yang pertama 18 SEP 1987 untuk Brunei

ZABIDI Ali dari Brunei mencatatkan tiga tempat pertama dalam Kelas F untuk memungut pingat emas.

Bagi Zabidi, 29 tahun, kemenangan yang membanggakan ini merupakan kejayaan pertama bagi negaranya.

Inilah pingat emas Brunei yang pertama sejak menyertai sama dalam sukan ini 10 tahun yang lalu, apabila jumlah negara peserta ditambah kepada negara-negara anggota Asean selain daripada Laos, Burma, Kembuja dan Vietnam.

Ini adalah pertama kali pencak silat ditandingkan dalam Sukan SEA, dan secara kebetulan, Zabidi pula baru pertama kali bertanding dalam peringkat antarabangsa, walaupun telah berkecimpung dalam lapangan seni ini sejak berusia 12 tahun.

"Saya bergiat cergas sejauh dua tahun yang lalu," demikian terang Zabidi ketika di temui di jamuan makan tengah hari di pejabat Komite Olimpik Nasional Indonesia (Koni).

Zabidi yang bertugas sebagai perancang dengan syarikat minyak terbesar di negaranya, Shell, adalah ketua seksi silat di kelab riadah di syarikat tersebut.

"Seni silat merupakan sebahagian daripada kesenian kebanggaan kami di Brunei. Malah, hampir setiap rakyat negara kami mempelajari silat sama ada untuk riadah atau satu kesenian saja," kata Zabidi.

"Saya menyertai seni silat kuntaw, yang boleh dianggap popular di Brunei. Bagaimanapun, silat ini agak berlainan sedikit dengan silat-silat Melayu yang lain."

"Ia lebih banyak mempunyai ciri-ciri pukulan dan tendangan yang ampuh dan pepat," tambah Zabidi.

"Saya tidak dapat menggambarkan perasaan gembira di atas kejayaan tersebut. Malah, saya tidak

## Sambutan 18 SEP 1987 untuk 2 beradik B.Hariam W.

DUA peserta adik-beradik negara yang memenangi pingat gangsa dalam acara pencak silat Sukan SEA Jakarta akan diberi sambutan meriah apabila pulang ke Batu Pahat pada 25 September ini.

Khatijah Salleh, 19, dan adiknya, Salbiah, 17, dari Kampung Solok Wan Moh, akan diarak dengan paluan kon pang dan bunga manggar setiba mereka di kampung itu.

Jurucakap jawatankuasa penganjur berkata, kesemua anggota Persatuan Pencak Silat Batu Pahat juga akan turut hadir menyambut kedua-dua pemang.

Khatijah dan Salbiah memenangi pingat dalam Kelas A dan B. — Bernama.